

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: CAS - Pusat Pengajian Pengkomputeran
Sent: Tuesday, 20 June, 2017 2:30 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: uumsoc4@gmail.com
Subject: MAJLIS IFTAR JAMA'IE SOC MERIAH



**Pusat Pengajian
Pengkomputeran
School Of Computing**
Universiti Utara Malaysia

“MUAFAKAT KEDAH”

20 Jun 2017/25 Ramadhan 1438H

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

MAJLIS IFTAR JAMA'IE SOC MERIAH



SOC ONLINE: Pusat Pengajian Pengkomputeran, telah menganjurkan Majlis Iftar Jama'ie (Berbuka Puasa) pada 15 Jun 2017 bertempat di Foyer Bangunan SOC. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dikalangan staf pusat pengajian di samping mengimarahkan ibadah berbuka puasa bersama. Seramai 150 orang tetamu yang terdiri daripada ahli keluarga staf Pusat Pengajian Pengkomputeran, pelajar tahfiz dari Taman Tunku Sarina, Jitra turut diraikan dalam majlis ini.

Dekan Pusat Pengajian Pengkomputeran, Prof. Madya Dr. Huda Hj. Ibrahim dalam ucapan aluannya melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Kelab Kebajikan Pusat Pengajian Pengkomputeran kerana berjaya menganjurkan majlis ini secara gotong royong sesama staf. Menurut beliau lagi program seumpama ini perlu diteruskan lagi dari semasa ke semasa bagi memperkukuhkan ikatan silaturahim dan ukhwa bukan hanya dikalangan staf semata-mata malah mencakupi ahli keluarga. Program memasak yang dimulakan sejak pagi telah memperlihatkan hubungan yang erat dikalangan staf SOC.

Sebelum majlis berbuka puasa, satu tazkirah ringkas telah disampaikan oleh Ustaz Rafaai Mohamad dan solat Maghrib secara berjemaah selepas itu.

Pada majlis ini juga, sumbangan 'Boxes of Ramadan' telah diberikan kepada beberapa orang staf UPSB. Turut hadir bagi memeriahkan majlis Iftar ini adalah staf dari Awang Had Salleh Graduate School (AHSGS) dan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA CAS).

Sekian, terima kasih.

PUSAT PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN

School of Computing | College of Arts And Sciences
Universiti Utara Malaysia | 06010 Sintok | Kedah Darul Aman

Tel: +604-928 5058 / +604-928 5055 / +604-928 5051 | Faks: +604-928 5067

website: www.soc.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.